

AL-TURATH: JOURNAL OF AL-QURAN AND AL-SUNNAH

VOLUME 10 ISSUE 1 2025

E-ISSN 0128-0899



INDEXED BY MYJURNAL

HOME PAGE: <https://www.ukm.my/turath/>

Copyright Information:

This article is open access and is distributed under the terms of Creative Commons Attribution 4.0 International License.

Publisher Information:

Research Centre for al-Quran and al-Sunnah
Faculty of Islamic Studies
The National University of Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Tel: +60 3 8921 4405 | Fax: +60 3 8921 3017
Email: alturathjournal@gmail.com

Journal QR Code :



TAWJIH AL-QIRA'AT DAN KEPELBAGAIAN BENTUK IMPLIKASI PENTAFSIRAN DALAM MARAH LABID

***Tawjih Al-Qira'at and The Diversity of Form of Interpretation Implications
in Marah Labid***

Sabri Mohamad^{1*}, Ikmal Zaidi Hashim,² & Mohd Farid Ravi Abdullah²

¹Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan
Malaysia, 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.

²Jabatan Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, Fakulti Peradaban Islam, Universiti Islam, Bandar Seri
Putra, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia

*Corresponding author: sabri_m@ukm.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.17576/turath-2025-1001-03>

Article history

Received: 01/04/2025

Revised: 18/05/2025

Accepted: 23/06/2025

Published: 30/06/2025

Abstrak

Kewujudan pelbagai qiraat dalam karya-karya tafsir muktabar membuktikan keabsahan qiraat sebagai hujah yang berfungsi dan memberikan implikasi yang signifikan terhadap pentafsiran al-Quran. *Tafsir Marah Labid* karya Syeikh Nawawi Banten salah satu khazanah tafsir nusantara banyak memuatkan wajah qiraat quraniyyah ketika mentafsirkan ayat-ayat al-Quran. Artikel ini membicarakan kepentingan ilmu *Tawjih al-Qira'at* melalui aplikasi Syeikh Nawawi Banten dalam tafsir Marāh Labid sebagai sampel kajian dan sejauh mana ia memberi implikasi terhadap pentafsirannya. Kajian ini merupakan kajian kepustakaan yang mengaplikasikan metode analisis kandungan berasaskan teks dan dokumen. Hasil dapatan daripada kajian ini menunjukkan bahawa Syeikh Nawawi telah mengaplikasikan *Tawjih al-Qira'at* dalam *Marah Labid* secara aktif dan konsisten. Ini terbukti apabila semua qiraat yang diberikan tawjih (*al-qira'at al-muwajjahah*) dalam *Marah Labid* walaupun mempunyai tahap keabsahan yang pelbagai, Syeikh Nawawi lebih mengutamakan qiraat *mutawatirah* berbanding *shadhdhab* tanpa mengabaikannya dalam penghujahan. Beliau juga didapati meletakkan sekurang-kurangnya sembilan ilmu sebagai asas penghujahannya. Penghujahan Syeikh Nawawi dengan pelbagaian qiraat tersebut telah mendatangkan enam kategori implikasi kepada pentafsiran dalam *Marah Labid* yang melibatkan lima puluh dua ayat al-Quran. Beliau telah berjaya membuktikan kewibawaannya sebagai mufassir dan kehebatan *Marah Labid* sebagai salah satu karya tafsir yang muktabar. Kesimpulannya kepentingan ilmu *Tawjih al-Qira'at* sangat signifikan dalam memahami al-Quran dalam konteks kepelbagaian qiraatnya yang memberikan implikasi terhadap kerencanan pentafsirannya. Kajian ini diharapkan dapat membantu para penulis khasnya dalam bidang qiraat bagi mengintegrasikan ilmu qiraat dengan ilmu-ilmu lain khasnya ilmu tafsir dalam meneroka keunikan al-Quran di sebalik kepelbagaian qiraatnya.

Kata Kunci: *Tawjih*, Qiraat, Implikasi, Pentafsiran, *Marah Labid*



Abstract

The existence of various qiraat in the works of tafsir muktabar proves the validity of qiraat as a functional argument and provides significant implications for the interpretation of the Quran. Tafsir *Marah Labid* by Syeikh Nawawi Banten, one of the treasures of tafsir nusantara, contains many aspects of qiraat quraniyyah when interpreting the verses of the Quran. This article discusses the importance of the science of *Tanjih al-Qira'at* through the application of Syeikh Nawawi Banten in the tafsir *Marah Labid* as a study sample and the extent to which it provides implications for its interpretation. This study is a literature study that applies the method of content analysis based on text and documents. The findings from this study show that Syeikh Nawawi has applied *Tanjih al-Qira'at* in *Marah Labid* actively and consistently. This is proven when all the qiraat given *tanjih (al-qira'at al-muwajjahah)* in *Marah Labid*, although they have varying degrees of validity, Syeikh Nawawi prioritizes *mutawatirah* qiraat over *shadhdhab* without neglecting it in his argumentation. He is also found to place at least nine sciences as the basis of his argumentation. Syeikh Nawawi's argument with the variety of recitations has brought six categories of implications to the interpretation in *Marah Labid* which involves fifty-two verses of the Quran. He has succeeded in proving his authority as a *mufassir* and the greatness of *Marah Labid* as one of the most authoritative works of tafsir. In conclusion, the importance of the science of *Tanjih al-Qira'at* is very significant in understanding the Quran in the context of its variety of recitations which has implications for the coherence of its interpretation. This study is expected to help writers, especially in the field of recitation, to integrate the science of recitation with other sciences, especially the science of tafsir in exploring the uniqueness of the Quran behind its variety of recitations.

Keywords: *Tanjih*, Qira'at, Implication, Interpretation, *Marah Labid*

PENGENALAN

Ilmu Qira'at merupakan salah satu cabang penting dalam pengajian al-Quran yang merangkumi pelbagai bentuk bacaan yang sah dan mutawatir daripada Nabi Muhammad SAW. Perbezaan dalam qira'at bukan sahaja menyentuh aspek fonetik atau bacaan semata-mata, bahkan mempunyai dimensi yang lebih luas yang melibatkan variasi dalam struktur nahu, semantik, dan retorik bahasa Arab, yang seterusnya memberi kesan terhadap pentafsiran ayat al-Quran. Justeru, disiplin *Tanjih al-Qira'at* muncul sebagai usaha ilmiah yang berfungsi untuk menjelaskan rasional, latar linguistik, serta implikasi makna di sebalik perbezaan bacaan yang diriwayatkan. Ilmu ini bukan sahaja bersifat teknikal, bahkan berperanan sebagai alat bantu dalam memahami keluasan dan kedalaman makna al-Quran.

Kewujudan pelbagai qira'at dalam karya-karya tafsir muktabar membuktikan keabsahan qiraat sebagai hujah yang berfungsi dan memberikan implikasi yang signifikan terhadap pentafsiran al-Quran. Setiap pentafsir mengemukakan pelbagai bentuk *tanjih* berasaskan qira'at yang pelbagai. Kepelbagaian bentuk *tanjih* qira'at yang digunakan ketika mentafsirkan al-Quran membuktikan kepentingan ilmu ini dalam disiplin pengajian qira'at yang menggabungkan antara *al-riwayah* dan *al-dirayah*.

Kitab Tafsir *Marah Labid* ialah karya Shyakh Nawawi Banten, seorang tokoh ulama Nusantara abad ke-19 yang masyhur dalam pelbagai disiplin ilmu Islam. Ia merupakan antara karya tafsir yang memberi perhatian terhadap aspek qira'at. Walaupun disusun dalam format yang ringkas dan padat, tafsir ini menunjukkan penguasaan mendalam pengarang dalam bidang tafsir, bahasa Arab, dan ilmu qira'at. Beberapa perbezaan bacaan disebut dan dijelaskan oleh beliau secara ringkas, namun signifikan, bagi menjelaskan makna yang lebih luas dan mendalam dalam sesebuah ayat. Penggunaan elemen *tanjih qira'at* dalam tafsir ini membuktikan bahawa karya ulama Nusantara turut memainkan peranan dalam memperkaya tradisi tafsir al-Quran secara ilmiah. Artikel ini bertujuan untuk meneliti bentuk-bentuk pentawjihan qira'at yang dikemukakan oleh

Syeikh Nawawi Banten dalam Tafsir *Marāḥ Labid*, serta menganalisis implikasi *tamjib* tersebut terhadap pentafsiran ayat-ayat al-Quran.

METODOLOGI

Penyelidikan ini berbentuk kualitatif yang mengaplikasikan kajian kepustakaan berbentuk analisis kandungan. Selain berbentuk kualitatif, kajian ini juga berbentuk analisis kandungan berasaskan teks. Teks yang dimaksudkan ialah *Marāḥ Labid li Kashf Ma'na al-Qur'an al-Majid* yang ditulis oleh Muhammad ibn 'Umar Nawawi al-Jawiyy al-Bantaniyy (w.1897). Dengan meneliti dan menganalisis teks secara kualitatif, pendekatan dan metode Syeikh Nawawi Banten dalam karya tersebut dapat dikesan dan diperjelaskan khususnya yang berkaitan penghujahan qira'at dan kesannya kepada pentafsiran ayat-ayat al-Quran yang mengandungi pelbagai wajah bacaan.

BIODATA RINGKAS SYEIKH NAWAWI BANTEN

Beliau ialah Muhammad ibn 'Umar ibn 'Arabi ibn 'Ali. Dilahirkan pada tahun 1230H/1813M di kampung Tanara, kecamatan Tirtayasa, kabupaten Banten, Jawa Barat, Indonesia. Beliau merantau mencari ilmu di Mekah dan pernah pulang ke Tanara untuk membina pesantren peninggalan ayahnya namun disebabkan suasana politik yang tidak mengizinkan, beliau kembali semula ke Mekah dan terus menetap di sana sehingga meninggal dunia. Antara 1830M-1860M, Syeikh Nawawi aktif belajar di Mekah di bawah bimbingan ulama terkenal seperti Khatib Sambas, Sayyid Ahmad Dimyatiyy, 'Abd al-Ghaniyy Bima, Sayyid Ahmad Nahrawiyy, Sayyid Ahmad Zaini Dahlan dan 'Abd al-Hamid Daghestaniyy. Di Madinah, beliau belajar dengan Syeikh Muhammad Khatib al-Hanbaliyy. Beliau juga bermusafir dalam menuntut ilmu daripada para ulama seperti Mesir dan Sham (Atabik, 1998).

Ketokohnya sangat menyerlah sehingga diberi gelaran *Sayyid 'Ulama' al-Hijāz, Mufti, Faqih* dan *Min 'Ulama' al-Shafi'iyah*. Pada tanggal 25 Syawal 1314 H/1897M Syeikh Nawawi menghembuskan nafasnya yang terakhir di usia 84 tahun dan dimakamkan di Ma'la dekat makam Ummul Mukminin Siti Khadijah, isteri Rasulullah SAW (Atabik, 1998).

Sesuai dengan gelarannya sebagai *Sayyid 'Ulama' al-Hijāz*, Shyakh bukan sahaja menulis dalam bidang tafsir tetapi pelbagai bidang ilmu yang lain. Menurut Atabik Luthfi (1998) terdapat sumber yang menyatakan bahawa Syeikh Nawawi telah menulis sebanyak sembilan puluh sembilan (99) karya yang merangkumi bidang tafsir, hadis, akidah, feqah, tajwid, sirah, dan nahu.

KITAB MARAH LABID

Syeikh Nawawi menamakan karya ini sebagai *Marāḥ Labid li Kashf Ma'na al-Qur'an al-Majid* yang bermaksud “tempat yang menjadi tujuan untuk menetap” dengan harapan agar karyanya ini akan menjadi tumpuan dan rujukan para muridnya dalam memahami maksud kalam Allah SWT. Faktor utama yang membawa kepada penulisan tafsir ini ialah kerana desakan dan dorongan sahabat dan kenalan Syeikh Nawawi walaupun pada mulanya beliau agak keberatan kerana bimbang terjerumus dalam *tafsir al-Qur'an bi al-ra'y al-madhmum*.

Kitab tafsir ini menggabungkan pelbagai metode. Dari sudut sumber, ia menggabungkan *al-ma'thur* dengan *al-ra'y al-ja'iz*. Shyakh Nawawi juga menggunakan pendekatan *al-bayani* yang menekankan aspek bahasa melibatkan makna lughah dan kaedah-kaedah nahu dan *i'rab*. Beliau juga terkesan dengan sufisme yang menekankan persoalan akhlak dan penyucian jiwa berdasarkan pentafsiran beliau secara *ishariyy* dan rujukan beliau kepada tokoh-tokoh kesufian. Seperti tafsir-tafsir yang lain, karya ini juga tidak sunyi daripada *Isra'iliyyat* tanpa sebarang keterangan atau tapisan. Walau bagaimanapun tafsir ini telah mendapat tempat di hati para penuntut ilmu dan

ulama yang mengangkat martabat Syeikh Nawawi al-Bantani sebagai mufasir tersohor pada zamannya.

Antara pendekatan dalam kitab tersebut adalah memberikan kata pengantar bagi satu-satu surah seperti nama-nama surah, Makkiyah atau Madaniyyah, jumlah bilangan ayat, kalimah dan huruf dalam keseluruhan surah tersebut. Membahaskan aspek perbendaharaan kata *mufradat*, menerangkan maksud bagi *al-asma' al-mubhamat*, hal-hal *i'rab* dan perbahasan kejadian alam. Penumpuan terhadap perbezaan qira'at yang terkandung dalam ayat-ayat tertentu dan kesan perbezaan tersebut kepada makna juga menjadi perhatian beliau, membahaskan ayat-ayat hukum dan membuat rumusan ayat-ayat akidah, akhlak, dakwah, mukjizat dan sebagainya. Tafsir ini juga menukilkan beberapa riwayat mengenai *asbab al-nuzul* terdapat nukilan beberapa riwayat yang menyentuh kelebihan-kelebihan ayat dan surah (Atabik, 1998).

ILMU *TAWJIH QIRA'AT* DAN KEPERLUANNYA

Dari segi bahasa, *tawjih* merupakan kata terbitan daripada kata kerja *wajjaha* yang berasal daripada perkataan *al-wajh* (Ibn Manzur, 1991). Ilmu *Tawjih al-Qira'at* pula merupakan satu ilmu yang mengkaji hujah bagi variasi qira'at (al-Qudah, 2001). *Al-Tawjih* di sisi ulama qira'at ialah suatu ilmu yang bertujuan dengannya untuk menerangkan variasi qira'at dan menjelaskannya, berpandukan satu daripada dalil-dalil yang bersifat *ijmali* (umum) untuk Bahasa Arab, daripada dalil naqli, ijmak, qiyas, *istishab* dan sebagainya (al-Sindiyy, 2001). Terdapat banyak nama yang digunakan yang mengisyaratkan pelbagai nama lain diberikan kepada ilmu ini seperti *al-Ihtijaj*, *Hujjat al-Qira'at*, *Wujah al-Qira'at*, *Ma'ani al-Qira'at*, *I'rab al-Qira'at* dan *Ilal al-Qira'at* (Sulaiman, 1999).

Majoriti ulama bersetuju bahawa *Tawjih al-Qira'at* merupakan ilmu yang penting dalam pengajian al-Quran secara umum dan pengajian qira'at secara khusus. Al-Zarkashiyy (w.1376H) dan al-Suyutiyy (w.1394H) sendiri telah menyatakan tentang pentingnya mengetahui *Tawjih al-Qira'at* sebagai ilmu yang berkait rapat dengan al-Quran ('Abd al-Karim, 2000). Selain itu *Tawjih al-Qira'at* berobjektifkan pentafsiran ayat-ayat al-Quran dengan meneliti makna-makna yang berbeza hasil daripada kepelbagaian qira'at dan ini membuktikan keindahan dan kemukjizatan al-Quran (Qabah, 1999). 'Abd al-Karim (2000) menyatakan bahawa antara fungsi ilmu *Tawjih al-Qira'at* ialah sebagai penjelas kepada pelbagai makna (*dalalat*) bagi pelbagai qira'at dan memperincikan kepelbagaian makna tersebut yang meliputi pelbagai bentuk sama ada makna pentafsiran, pengeluaran hukum, makna-makna linguistik atau morfologi (*sarfyyah*). Peranan dan fungsi qira'at dalam tafsir hanya boleh difahami melalui ilmu *Tawjih al-Qira'at*. Menurut Bazamul (1996), kepelbagaian *tawjih* terhadap kerencaman wajah qira'at memperkayakan pentafsiran al-Quran sekali gus membuktikan kemukjizatan al-Quran melalui variasi cara pembacaannya.

Al-Harbi (1996) pula menjelaskan, antara matlamat pengajaran ilmu *Tawjih al-Qira'at* adalah untuk mempertahankan qira'at dengan menjelaskan wajah-wajahnya dan menerangkan kesahihan serta menolak apa sahaja keraguan terhadapnya. Ilmu ini juga akan menerangkan makna ayat yang dibaca lebih daripada satu cara bacaan dan mentafsirkannya dengan tujuan memberi penerangan dan kefahaman. Ilmu *Tawjih* juga berupaya merangkan makna-makna qira'at dan penghujahan dari sudut bahasa, perkaitan dalam pemilihan makna tertentu serta memilih (*tarjih*) sebahagian makna dengan yang lain berdasarkan kekuatan dalil atau kelemahannya. Penjelasan implikasi hukum fiqah, syariat, bahasa Arab yang berpunca daripada perbezaan *i'rab* dan *tawjih* juga akan terserlah.

Selain itu, para ulama dalam bidang *Usul al-Tafsir* dan *'Ulum al-Qur'an* turut meletakkan ilmu *Tawjih al-Qira'at* sebagai salah satu ilmu yang perlu diketahui oleh seorang pentafsir sebelum mentafsir al-Quran. Ini disebabkan kepentingan ilmu ini dalam mengetahui kesan kepelbagaian wajah qira'at kepada variasi makna al-Quran. Apabila pentafsiran yang melibatkan ayat-ayat yang mengandungi perkataan-perkataan yang berbeza wajah qira'atnya maka ilmu *Tawjih al-Qira'at* diaplikasikan dalam menerangkan makna-makna yang tersirat di sebalik pelbagai qira'at yang tersurat (al-Shaddiyy, 2004). Al-Fairuz al-Abadiyy (2024) menjelaskan bahawa ilmu *Tawjih al-*

Qira'at dan ilmu tafsir mempunyai hubungan yang rapat dan tujuan utama ilmu *Tanjih al-Qira'at* adalah memberi hujah kepada perbezaan (*ikhtilaf*) qira'at.

Ahli tafsir sewaktu mengaplikasikan *Tanjih al-Qira'at* berlaku perbezaan sesama mereka dalam perkara-perkara berunsur *riwayah* dan *dirayah*. Perkara-perkara berunsur *riwayah* yang dimaksudkan ialah pengkategorian qira'at, kategori qira'at yang terlibat dengan *tanjih*, keabsahan qira'at yang dijadikan sumber pentafsiran, keabsahan *al-Qira'at al-Shadhdhab* dalam pentafsiran, pemilihan qira'at tertentu daripada qira'at yang lain dan sebagainya. Ini kerana *riwayah* merupakan teras utama dalam disiplin ilmu qira'at bagi memastikan qira'at yang dibaca bersambung kepada Rasulullah SAW (Salihin, 2024).

Selain itu, perbezaan pendekatan para ulama tafsir juga melibatkan perkara-perkara berunsur *dirayah* seperti ilmu-ilmu yang menjadi asas dan sumber kepada *Tanjih al-Qira'at* yang diaplikasikan, kecenderungan dalam mengutamakan qira'at tertentu (*tarjih al-qira'at*) berdasarkan *tanjih*, kesan-kesan *tanjih al-qira'at* terhadap kepelbagaian makna dan pentafsiran dan lain-lain. Ikmal Zaidi Hashim (2015) menjelaskan bahawa unsur *dirayah* dalam pengajian ilmu qira'at berfungsi untuk menerangkan segala pengertian dan tafsiran yang terhasil sebagai implikasi daripada perbezaan-perbezaan qira'at. Antara perbincangan qira'at yang dikategorikan sebagai ilmu *Qira'at Dirayah* ialah ilmu *I'rab al-Qur'an wa Sarfuh*, *al-Lahjat al-Qur'aniyyah wa al-Aswat*, *al-I'jaz al-Balaghi fi al-Qur'an* dan *Tanjih al-Qira'at*.

QIRA'AT DALAM MARAH LABID

Kebanyakan qira'at yang dinyatakan dalam *Marah Labid* melibatkan *farsh al-huruf*. Ini disebabkan perbezaan qira'at dalam bahagian tersebut memberi kesan kepada makna dan pentafsiran sedangkan perbezaan dalam bahagian *usul al-qira'at* lebih bersifat kepelbagaian dialek fonologi (*al-sawtiyyah*) seperti *al-izhar*, *al-idgham*, *al-fath*, *al-imalah*, *al-taqlil*, *al-ishmam*, *al-ikhtilaf* dan sebagainya (al-Sindiyy, 2001) yang tidak banyak memberi kesan kepada makna. Walau bagaimanapun dalam *Marah Labid*, Syeikh Nawawi tidak menyentuh semua wajah qira'at dalam setiap ayat yang ditafsirkan. Fakta-fakta qira'at dalam *Marah Labid* secara keseluruhannya menyatakan cara bacaan atau wajah qiraat, qari atau imam yang dinisbahkan qira'at tersebut, status qira'at *mutawatirah* atau *shadhdhab* atau selain daripada kedua-duanya, *tanjih qira'at* dan implikasinya terhadap makna ayat yang ditafsirkan.

Syeikh Nawawi tidak konsisten dalam memenuhi semua elemen di atas tatkala menyebut setiap qira'at. Dalam banyak keadaan beliau menyatakan semua elemen di atas dan ada ketika beliau hanya menyebutkan qira'at tanpa menisbahkannya kepada mana-mana *qurra'*. Kadang-kadang beliau hanya menyebutkan qira'at tanpa menyatakan statusnya sama ada *mutawatirah* atau *shadhdhab*. Penisbahan beliau terhadap qira'at *mutawatirah* juga tidak konsisten dari sudut penisbahan kepada qira'at tujuh atau qira'at sepuluh. Dalam isu *Tanjih al-Qira'at* pula, beliau tidak memberikan *tanjih* bagi semua qira'at yang disebutkan. Dalam menerangkan *tanjih*, terdapat qira'at yang diberikan *tanjih* secara ringkas dan ada yang dijelaskan secara terperinci dan panjang lebar. Dari segi susunan, Syeikh Nawawi sering mendahulukan *qira'at mutawatirah* daripada qira'at *shadhdhab*. Walau bagaimanapun, kadang-kadang beliau menerangkannya secara bercampur-campur tanpa susunan tertentu.

Tanjih Qira'at Dalam Marah Labid

Dalam kitab tafsir tersebut terdapat 610 ayat al-Quran yang mengandungi *wujud qira'at* telah ditanjihkan oleh pengarangnya. *Al-Qira'at al-muwajjahah* dalam *Marah Labid* melibatkan semua surah dalam al-Quran kecuali 15 surah iaitu al-Sajdah, al-Waqi'ah, al-A'la, al-Tin, al-Zalzalah, al-'Adiyat, al-Takathur, al-'Asr, al-Fil, al-Ma'un, al-Kauthar, al-Kafirun, al-Nasr, al-Ikhlash dan al-Falaq.

Surah al-A'raf merupakan surah yang paling banyak mengandungi *al-qira'at al-muwajjahah*

dalam *Marah Labid* iaitu melibatkan 41 ayat sementara surah al-Baqarah dan al-An‘am masing-masing melibatkan 37 ayat. Antara surah yang paling sedikit mengandungi *qira’at al-muwajjahah* ialah surah al-Hujurat, al-Jumu‘ah, al-Taghabun, al-Mursalat, ‘Abasa, al-Takwir, al-Mutaffifin, al-Insyiqaq, al-Tariq, al-Shams dan surah-surah pendek yang lain.

Asas-Asas Penghujahan Qira’at dalam *Marah Labid*

Kitab *Marah Labid* sangat prihatin menjelaskan *tanjih* bagi wajah-wajah qira’at yang terkandung dalam ayat-ayat al-Quran yang ditafsirkan, walaupun tidak melibatkan semua ayat yang mempunyai pelbagai wajah qira’at. Pengarangnya telah menjejaki cara ulama tafsir silam yang mempraktikkan kaedah yang sama apabila berinteraksi dengan pelbagai wajah qira’at dalam karya-karya mereka.

Cara yang dimaksudkan ialah Syeikh Nawawi telah menjadikan sembilan ilmu sebagai asas penghujahan beliau dalam mengemukakan *tanjih al-qira’at*. Ilmu-ilmu tersebut ialah *Asbab al-Nuzul*, *Rasm al-Mushaf*, *al-Waqf wa al-Ibtida’*, *al-Hadith*, Sintaksis (*Nahu*), Morfologi (*Sarf*), *al-Balaghah*, akidah dan feqah. Syeikh Nawawi secara aktif dan konsisten menjelaskan pelbagai qira’at meliputi semua kategori sama ada *mutawatirah* atau *shadhdhab*. Walau bagaimanapun tidak semua qira’at yang beliau nyatakan diberikan *tanjih*. Antara contoh penerangan penghujahan qira’at dengan berasaskan ilmu-ilmu tersebut ialah ketika berhujah dengan ilmu *Asbab al-Nuzul* pada ayat 176 surah Ali ‘Imran:

﴿وَلَا يَخْزَنُكَ الَّذِينَ يُسْرِعُونَ فِي الْكُفْرِ إِنَّهُمْ لَنْ يَضُرُّوا اللَّهَ شَيْئًا...الْآيَةُ﴾

Syeikh Nawawi telah menjelaskan dua wajah qira’at *mutawatirah* pada perkataan (يَخْزَنُكَ) iaitu wajah qira’at *Nāfi’* (يُخْزِنُكَ) dan wajah qira’at bagi *qurra’* yang lain (يَخْزَنُكَ). Beliau telah membawakan tiga riwayat tentang sebab penurunan ayat ini iaitu berkenaan golongan kafir Quraisy dan Allah menjamin keselamatan Rasulullah SAW daripada kejahatan mereka. Riwayat yang kedua pula mengatakan bahawa ayat ini diturunkan bagi menyentuh keadaan golongan munafik yang menakut-nakutkan golongan yang beriman sejurus kekalahan dalam Perang Uhud dengan cubaan menanamkan rasa kecewa dalam hati mereka terhadap kemenangan. Riwayat yang ketiga pula mengatakan bahawa ayat ini diturunkan mengenai para pembesar dalam kalangan Yahudi seperti Ka‘ab al-Ashraf dan lain-lain yang sengaja menyembunyikan sifat-sifat Rasulullah SAW semata-mata kerana tujuan duniawi.

Contoh lain ialah penghujahan qira’at berasaskan *Rasm al-Mushaf* ketika mentafsirkan ayat 43 surah al-A‘raf:

﴿وَنَزَعْنَا مَا فِي صُدُورِهِمْ مِنْ غَلٍّ يُخْزِي مِنْ تَحْتِهِمُ الْأَنْهَارَ وَقَالُوا الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي هَدَانَا لِهَذَا وَمَا كُنَّا لِنَهْتَدِيَ لَوْلَا أَنْ هَدَانَا اللَّهُ...﴾

Imam Ibn ‘Amir membaca (مَا كُنَّا) tanpa huruf waw selari dengan mashaf bagi penduduk Sham. Shyakh Nawawi menjelaskan tawjih bagi wajah qira’at tersebut iaitu frasa tersebut merupakan pentafsiran kepada frasa sebelumnya (هَدَانَا لِهَذَا) maka ia dianggap bersambung maka wajib dihilangkan kata penghubung (*harf al-‘atif*) iaitu huruf waw.

Contoh penghujahan qiraat berasaskan *al-Waqf wa al-Ibtida’* ialah pada surah al-Furqan ayat 10:

﴿تَبَارَكَ الَّذِي إِنْ شَاءَ جَعَلَ لَكَ خَيْرًا مِنْ ذَلِكَ جَنَّاتٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ وَيَجْعَلُ لَكَ قُصُورًا﴾

Dalam ayat di atas, Syeikh Nawawi telah menjelaskan *tanjih* bagi wajah-wajah qira’at *mutawatirah* pada perkataan (وَيَجْعَلُ لَكَ) dan mengaitkannya dengan ilmu *al-Waqf wa al-Ibtida’*. Ibn

Kathir, Abu ‘Amr, Ibn ‘Amir dan Shu‘bah membaca dengan *al-raf‘* (وَيَجْعَلُ لَكَ). *Qurra’* yang lain pula membaca dengan *al-jazm* (وَيَجْعَلُ لَكَ). Selain itu, Syekh Nawawi menjelaskan bahawa bagi wajah qira’at pertama, harus berhenti (*waqf*) pada perkataan (الْأَهْرَ) dan *ibtida’* pada (وَيَجْعَلُ لَكَ), maka ia bermaksud “... dan Allah SWT akan menjadikan bagimu istana-istana di akhirat...”. Bagi qira’at kedua tidak harus berhenti pada (الْأَهْرَ) maka ia bermaksud “....sekiranya Allah SWT kehendaki Allah akan menjadikan bagimu istana-istana di dunia...”.

IMPLIKASI TAWJIH AL-QIRA’ATDALAM MARAH LABID TERHADAP PENTAFSIRAN

Para ulama tafsir dan *Tanjih al-Qira’at* telah menyenaraikan bentuk-bentuk implikasi pentafsiran al-Quran yang berpunca daripada penghujahan para ulama tafsir dengan pelbagai qira’at khasnya qira’at *mutawatirah*. Menurut Bazamul (1996), terdapat enam kategori bentuk implikasi kepelbagaian qira’at terhadap pentafsiran al-Quran iaitu:

1. Implikasi dalam bentuk penjelasan makna ayat.
2. Implikasi dalam bentuk mempelbagaikan dan meluaskan makna ayat.
3. Implikasi dalam bentuk menyelesaikan kekeliruan tentang makna ayat.
4. Implikasi dalam bentuk mengkhususkan sesuatu makna yang bersifat umum.
5. Implikasi dalam bentuk mengikat sesuatu makna yang bersifat mutlak.
6. Implikasi dalam bentuk memperincikan sesuatu makna yang bersifat menyeluruh atau *ijmal*.

Berasaskan teori yang dikemukakan oleh Bazamul, contoh-contoh yang terdapat dalam *Marah Labid* dianalisis bagi menjelaskan setiap satu bentuk implikasi pentafsiran yang terkesan dengan penghujahan atau *tanjih* yang dibawakan oleh Syekh Nawawi. Terdapat 52 contoh yang mewakili enam implikasi tersebut, namun setiap satu teori hanya dikemukakan satu contoh sahaja sebagaimana yang terdapat dalam *Marah Labid*.

Implikasi dalam Bentuk Penjelasan Makna Ayat: Penjelasan Makna *Al-Zan* antara Keraguan dengan Keyakinan

Firman Allah Taala:

﴿حَتَّىٰ إِذَا اسْتَيْسَرَ الرُّسُلُ وَظَنُّوا أَنَّهُمْ قَدْ كُذِّبُوا جَاءَهُمْ نَصْرُنَا فَنُجِّيَ مَنْ نَشَاءُ وَلَا يُرَدُّ بَأْسُنَا عَنِ الْقَوْمِ الْمُجْرِمِينَ﴾
 ﴿ ١١٠ ﴾

Maksudnya: (Orang-orang yang mendustakan agama Allah itu telah diberi tempoh yang lanjut sebelum ditimpakan dengan azab) hingga apabila Rasul-rasul berputus asa terhadap kaumnya yang ingkar dan menyangka bahawa mereka telah disifatkan oleh kaumnya sebagai orang-orang yang berdusta, datanglah pertolongan Kami kepada mereka, lalu diselamatkanlah sesiapa yang Kami kehendaki. Dan (ingatlah bahawa) azab Kami tidak akan dapat ditolak oleh sesiapaapun daripada menimpa kaum yang berdosa. (Surah Yusuf 12:110)

Dalam ayat di atas, terdapat dua qira’at yang berbeza pada kalimah (كُذِّبُوا) iaitu (كُذِّبُوا) dan (كُذِّبُوا). Kedua-duanya mempunyai implikasi berbeza kepada makna ayat dan telah dijadikan hujah oleh Shyakh Nawawi dalam pentafsirannya. Qira’at yang pertama iaitu daripada ‘Asim, Hamzah dan al-Kisa’iyy secara *takhfif* (كُذِّبُوا) membawa maksud bahawa para pengikut rasul

menyangka bahawa para rasul telah menyalahi janji kemenangan terhadap mereka. Dengan kata-kata lain, ia membawa maksud bahawa Allah tidak memberikan kemenangan kepada para rasul-Nya seperti yang dijanjikan. Maka *al-ẓan* itu berlaku pada umat atau kaum para rasul tersebut. Qira'at yang kedua pula secara *tashdid* (كُذِّبُوا) menjelaskan makna yang berbeza iaitu *al-ẓan* itu berlaku pada para rasul yang menyangka bahawa mereka telah didustakan oleh umat-umat yang pernah beriman dengan mereka terhadap wahyu yang mereka sampaikan daripada Allah SWT.

Al-Fayruz Abadiyy (2010), al-Raziyy (2009) dan al-Sharbiniyy (2010) turut memberikan *tanjih* kepada kedua-dua wajah qira'at tersebut bahkan menambah lagi penerangan mengenainya. Contohnya al-Raziyy menjelaskan bagi setiap satu wajah qira'at tersebut mengandungi dua makna yang berbeza. Bagi bacaan *takhfif* (كُذِّبُوا) al-Raziyy membawakan dua *tanjih*, salah satu daripadanya seperti yang dinyatakan oleh Syeikh Nawawi iaitu keraguan atau *al-ẓann* itu berlaku pada pengikut atau kaum terhadap para rasul bahawa mereka telah terperdaya atau ditipu oleh para rasul yang menjanjikan kemenangan buat mereka. *Tanjih* kedua bagi qira'at ini ialah para rasul sendiri menyangka bahawa mereka telah terperdaya dengan janji kemenangan. Ia bersumberkan satu riwayat daripada Ibn Abi Mulaykah daripada Ibn 'Abbas RA dengan alasan ia disebabkan oleh kelemahan manusia. Walau bagaimanapun al-Raziyy mengkritik pandangan ini kerana orang yang beriman tidak sewajarnya mempunyai sangkaan bahawa Allah berdusta bahkan ia boleh menyebabkan tercabutnya iman, justeru mustahil ia dilakukan oleh para rasul. Bagi qira'at *tashdid* (كُذِّبُوا), al-Raziyy juga membawakan dua *tanjih*. Salah satu daripadanya sama seperti yang dinyatakan oleh Syeikh Nawawi iaitu para rasul telah menyangka bahawa kaum mereka yang beriman telah memperdaya dan menipu mereka. Manakala *tanjih* kedua menjelaskan bahawa *al-ẓann* membawa maksud keyakinan maka ayat ini bermaksud para rasul berkeyakinan bahawa kaum mereka telah mendustai mereka dan tidak beriman kepada mereka. Para ulama *tanjih* seperti Ibn Khalawayh (1979) dalam *al-Hujjah*, Ibn Zanjalah (1997) dalam *Hujjah al-Qira'ah* dan Makkiy ibn Abi Talib (1984) dalam *al-Kashf* juga membawakan hujah yang sama membuktikan keabsahan hujah Syeikh Nawawi dalam *Marah Labid*.

Implikasi dalam Bentuk Mempelbagaikan dan Meluaskan Makna Ayat: Meluaskan Makna 'Pendustaan' oleh Golongan Munafik

Firman Allah Taala:

﴿فِي قُلُوبِهِمْ مَّرَضٌ فَزَادَهُمُ اللَّهُ مَرَضًا وَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ بِمَا كَانُوا يَكْذِبُونَ ١٠﴾

Maksudnya: Dalam hati mereka (golongan yang munafik itu) terdapat penyakit (syak dan hasad dengki), maka Allah tambahkan lagi penyakit itu kepada mereka dan mereka pula akan beroleh azab seksa yang tidak terperi sakitnya, dengan sebab mereka berdusta (dan mendustakan kebenaran). (Surah al-Baqarah 2:10)

Terdapat dua qira'at pada perkataan (يَكْذِبُونَ) iaitu secara *takhfif* (يَكْذِبُونَ) dan *tashdid* (يَكْذِبُونَ)

Walaupun Syeikh Nawawi memberikan *tanjih* bagi kedua-dua qira'at tersebut secara ringkas tetapi cukup untuk membezakan makna bagi kedua-dua wajah bacaan. Qira'at secara *tashdid* yang dibaca oleh Imam Nafi', Ibn Kathir, Abu 'Amr dan Ibn 'Amir mempunyai makna yang lebih luas daripada qira'at secara *takhfif* kerana wajah *takhfif* hanya menunjukkan pendustaan golongan munafik dalam bentuk kata-kata mereka yang mengaku beriman sedangkan wajah *tashdid* meluaskan makna tersebut iaitu mereka bukan sahaja berdusta dalam pengakuan mereka bahkan mendustakan apa yang disampaikan oleh Rasulullah SAW seperti yang dinyatakan oleh al-Raziyy (1999), al-Sharbiniyy (2010) dan Abu al-Su'ud (2011) dalam karya-karya mereka. Karya-karya *Tanjih* membawakan hujah yang lebih mendalam bagi kedua-dua wajah qira'at tersebut. Contohnya, Ibn Zanjalah (2011) menyatakan bahawa wajah bacaan *tashdid* disokong oleh riwayat

daripada Ibn ‘Abbas RA, dibuktikan oleh celaan Allah SWT sendiri terhadap golongan munafik disebabkan pendustaan mereka terhadap Rasulullah SAW dan al-Quran. Wajah ini juga lebih berat maknanya (*ablagh*) dalam mencela perbuatan tersebut kerana setiap orang yang mendustakan atau tidak mempercayai (dalam konteks ini terhadap Rasulullah SAW dan al-Quran) adalah berdusta tetapi orang yang berdusta tidak semestinya mendustakan atau tidak mempercayai sesuatu. *Tanjih* yang sama juga dinyatakan oleh Ibn Khalawayh (1980) dan Makkiyy ibn Abi Talib (1997).

Implikasi dalam Bentuk Menghilangkan Kekeliruan tentang Makna Ayat dalam *Marah Labid: Menghilangkan Keraguan Mengenai Keadilan Allah SWT dalam Menjatuhkan Hukuman*

Firman-Nya:

﴿وَأَكْتُبُ لَنَا فِي هَذِهِ الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ إِنَّا هُذَا إِلَيْكَ قَالَ عَذَابِي أُصِيبُ بِهِ مَنْ أَشَاءُ وَرَحْمَتِي وَسِعَتْ كُلَّ شَيْءٍ ۖ فَسَأَكْتُبُهَا لِلَّذِينَ يَتَّقُونَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَالَّذِينَ هُمْ بِآيَاتِنَا يُؤْمِنُونَ ۝١٥٦﴾

Maksudnya; Dan tetapkanlah untuk Kami kebaikan dalam dunia ini dan juga di akhirat, sesungguhnya kami kembali (bertaubat) kepadaMu. Allah berfirman: AzabKu akan Aku timpakan kepada sesiapa yang Aku kehendaki dan rahmatKu meliputi tiap-tiap sesuatu; maka Aku akan menentukannya bagi orang-orang yang bertakwa dan yang memberi zakat, serta orang-orang yang beriman kepada ayat-ayat Kami. (Surah al-A’raf 7:156)

Dalam mentafsirkan ayat ini, Syeikh Nawawi membawakan dua wajah qira’at, salah satu daripadanya *mutawatirah* dan satu lagi *shadhdhab* daripada Hasan al-Basriyy. Wajah qira’at *mutawatirah* (أُصِيبُ بِهِ مَنْ أَشَاءُ) manakala wajah qiraat *shadhdhab* (أُصِيبُ بِهِ مَنْ أَسَاءَ). Syeikh Nawawi memberikan *tanjih* bagi wajah qira’at *mutawatirah* dengan menyatakan bahawa ia bermaksud “Tiada siapa yang berhak membantah-Ku kerana segala-galanya adalah milik-Ku”. Bagi wajah qira’at *shadhdhab* pula, Syeikh Nawawi memberikan *tanjih* yang ringkas dengan menjelaskan bahawa perkataan (أَسَاءَ) berasal daripada (الإساءة) bermaksud orang yang melakukan kejahatan. Syeikh Nawawi juga menyatakan bahawa wajah qira’at ini menjadi pilihan Imam al-Shafi’i. *Tanjih* ini ditemukan pada al-Raziyy (1999) tetapi tidak disebut pada empat sumber yang lain.

Wajah qira’at *mutawatirah* membawa maksud bahawa Allah SWT menimpakan azab-Nya kepada sesiapa yang Dia kehendaki justeru tiada siapa berhak membantah kehendak Allah. Ini merupakan asas yang ditetapkan di sisi *Ahl al-Sunnah* selain ketetapan bahawa Allah tidak menzalimi sesiapa pun dalam kalangan hamba-Nya, tidak mengazab mereka melainkan disebabkan kesalahan dan jenayah yang mereka lakukan sendiri. Dialah Tuhan yang Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana. Walau bagaimanapun terdapat kekeliruan yang mungkin timbul sekiranya ayat ini dilihat secara zahir semata-mata tanpa digandingkan dengan dalil-dalil yang lain tentang keadilan Allah SWT. Kekeliruan tersebut ialah ayat ini berdasarkan wajah qira’at *mutawatirah* memberi maksud seolah-olah Allah SWT menimpakan azab-Nya kepada sesiapa sahaja secara mutlak tanpa melihat sama ada dia melakukan kejahatan atau tidak. Kekeliruan ini dihilangkan dengan *tanjih* qira’at *shadhdhab* seperti yang dinyatakan oleh Syeikh Nawawi kerana maksudnya ialah Allah SWT menimpakan azab-Nya kepada sesiapa yang Dia kehendaki dalam kalangan mereka yang melakukan kejahatan (Bazamul, 1996). Ibn Jinniyy (1998) menyatakan bahawa wajah qira’at *shadhdhab* tersebut dinisbahkan kepada Hasan al-Basriyy dan ‘Amr al-Aswariyy. Beliau juga berpandangan bahawa qira’at ini lebih baik dari sudut keadilan kerana ia menjelaskan alasan yang melayakkan seseorang menerima azab Allah SWT iaitu kejahatan yang dilakukan.

Implikasi dalam Bentuk Mengkhususkan Sesuatu Makna yang Bersifat Umum dalam *Marāḥ Labid*: Mengkhususkan *al-Masjid al-Ḥarām* sebagai Lebih Utama Berbanding Masjid-Masjid Lain

Firman-Nya:

﴿مَا كَانَ لِلْمُشْرِكِينَ أَنْ يَعْمُرُوا مَسْجِدَ اللَّهِ شَاهِدِينَ عَلَى أَنْفُسِهِمْ بِالْكُفْرِ أُولَٰئِكَ حَبِطَتْ أَعْمَالُهُمْ وَفِي النَّارِ هُمْ خَالِدُونَ ١٧﴾

Tidaklah layak orang-orang kafir musyrik itu memakmurkan (menghidupkan) masjid-masjid Allah, sedang mereka menjadi saksi (mengakui) akan kekufuran diri mereka sendiri. Mereka itu ialah orang-orang yang rosak binasa amal-amalnya dan mereka pula kekal di dalam Neraka. (Surah al-Tawbah 9:17)

Dalam ayat di atas, terdapat dua wajah qira'at *mutawatirah* bagi perkataan (مَسْجِدَ اللَّهِ) yang dibaca dengan *ifrad* dan *jam'*. Syeikh Nawawi telah membawakan kedua-dua wajah tersebut berserta *tanjih* bagi memahami tafsir bagi ayat tersebut. Wajah qira'at *ifrad* (مَسْجِدَ اللَّهِ) bagi Ibn Kathir dan Abu 'Amr jelas merujuk kepada *al-Masjid al-Haram* selain disokong oleh konteks ayat. Manakala wajah qira'at bagi imam-imam yang lain (مَسْجِدَ اللَّهِ) menunjukkan keutamaan *al-Masjid al-Haram* sebagai kiblat dan ketua kepada seluruh masjid di dunia.

Para ulama tafsir yang menjadi rujukan Syeikh Nawawi seperti al-Raziyy (1999) menjelaskan bahawa wajah qira'at (مَسْجِدَ اللَّهِ) mengandungi beberapa maksud:

1. Ia bermaksud semua masjid termasuk *al-Masjid al-Haram* sebagai masjid yang lebih utama. Ia bertujuan untuk menegaskan penafian iaitu golongan musyrikin tidak sekali-kali memakmurkan mana-mana masjid khususnya *al-Masjid al-Haram*.
2. Ia bermaksud *al-Masjid al-Haram*. Ia dinyatakan dalam bentuk kata nama jamak sama ada bertujuan untuk menunjukkan bahawa mana-mana bahagian dalam *al-Masjid al-Haram* dianggap masjid atau kerana *al-Masjid al-Haram* itu merupakan kiblat dan penghulu bagi semua masjid di seluruh dunia seperti yang dijelaskan oleh Syeikh Nawawi.
3. Menjadi kebiasaan orang Arab dalam meletakkan kata nama tunggal yang merujuk kepada makna jamak dan kata jamak yang merujuk kepada makna tunggal.
4. Masjid itu bermaksud tempat sujud. Maka mana-mana tempat dalam *al-Masjid al-Haram* merupakan tempat sujud.

Walaupun al-Jamal (1996) tidak menjelaskan wajah qiraat seperti yang disebut dalam al-Jalālayn bagi mentafsirkan ayat ini, al-Sharbiniyy (2010) dan Abu al-Su'ud (2011) membawakan tafsiran masing-masing berasaskan kedua-dua wajah qira'at tersebut. Kesimpulannya, wajah qira'at *ifrad* berfungsi untuk menentukan dan menegaskan bahawa ia merujuk kepada *al-Masjid al-Haram* namun kedua-dua wajah qira'at tersebut termasuk dalam (ذكر بعض أفراد العموم) iaitu menyebut sebahagian daripada yang umum. Ia bukan bertujuan untuk mengkhususkan semata-mata tetapi bagi menunjukkan keutamaan dan kepentingan bahagian yang dimaksudkan itu iaitu *al-Masjid al-Haram* (Bazamul, 1996).

Implikasi dalam Bentuk Mengikat Sesuatu Makna yang Bersifat Mutlak: Menentukan Bahagian Tangan Pencuri yang Dipotong Sebagai Hukuman

Firman-Nya:

﴿وَالسَّارِقُ وَالسَّارِقَةُ فَاقْطَعُوا أَيْدِيَهُمَا جَزَاءً بِمَا كَسَبَا نَكَالًا مِنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ٣٨﴾

Maksudnya: Dan orang lelaki yang mencuri dan orang perempuan yang mencuri maka (hukumnya) potonglah tangan mereka sebagai satu balasan dengan sebab apa yang mereka telah usahakan, (juga sebagai) suatu hukuman pencegah dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana. (Surah al-Ma'idah 5:38)

Dalam ayat ini, Syeikh Nawawi telah membawakan wajah qira'at *shadhdhab* dalam pentafsirannya. Beliau mentafsirkan kalimah (أَيْدِيَهُمَا) sebagai (الكوع أَيْمَانُهُمَا) bermaksud tangan-tangan kanan pada pergelangannya. Ini berdasarkan *tanjib* bagi wajah qira'at *shadhdhab* daripada Ibn Mas'ud RA (أَيْمَانُهُمُ وَالسَّارِقُونَ وَالسَّارِقَاتُ فَاقْطَعُوا) kerana Rasulullah SAW membawa seorang pencuri bernama 'Ta'mah lalu baginda memerintahkan agar dipotong pergelangan tangan kanannya. *Tanjib* yang hampir sama dijelaskan oleh al-Jamal (1996), al-Raziyy (1999), al-Sharbiniiy (2010) dan Abu al-Su'ud (2011). Antara yang menarik dalam ayat ini ialah perbahasan ulama mengenai keabsahan qira'at *shadhdhab* dalam penentuan hukum walaupun dalam hal ini mereka bersepakat bahawa pergelangan tangan kanan adalah bahagian yang akan dipotong bagi kes kecurian buat kali pertama sama ada berasaskan hujah qira'at *shadhdhab* daripada Ibn Mas'ud atau daripada hadis-hadis yang berkenaan. Walau bagaimanapun Syeikh Nawawi telah membawakan kedua-duanya dalam *tanjib* yang dijelaskannya.

Isu ini jelas menunjukkan bahawa qira'at *mutawatirah* tidak menentukan bahagian yang perlu dipotong dalam hukuman kepada pencuri sebaliknya hanya menyatakan secara mutlak semata-mata. Wajah qira'at *shadhdhab* pula mengikat atau menentukan (تَقْيِيدُ الْمَطْلُوقِ) iaitu bahagian pergelangan tangan yang wajib dipotong. Maka hukum yang dijelaskan oleh kedua-dua wajah qira'at ini merupakan hukum yang benar dan diterima oleh para sahabat dan para ulama sepanjang zaman (Bazamul, 1996).

Implikasi dalam Bentuk Memperincikan Sesuatu Makna yang Bersifat Menyeluruh atau Ijma': Memperincikan Makna 'Arah' yang Difahami dengan Pelbagai Maksud

Firman Allah Taala:

﴿وَلِكُلٍّ وِجْهَةٌ هُوَ مُوَلِّيهَا ۖ فَاسْتَبِقُوا الْخَيْرَاتِ ۚ أَيْنَ مَا تَكُونُوا يَأْتِ بِكُمُ اللَّهُ جَمِيعًا ۚ إِنَّ اللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ۝١٤٨﴾

Maksudnya: Dan bagi tiap-tiap umat ada kiblatnya (sendiri) yang ia menghadap kepadanya. Maka berlomba-lombalah kamu (dalam berbuat) kebaikan. Di mana saja kamu berada pasti Allah akan mengumpulkan kamu sekalian (pada hari kiamat). Sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas segala sesuatu. (Surah al-Baqarah 2:148)

Dalam ayat ini, Syeikh Nawawi telah membawakan kedua-dua wajah qira'at *mutawatirah* selain satu wajah qira'at *shadhdhab*. Kedua-dua wajah qira'at *mutawatirah* tersebut adalah pada kalimah (مُوَلِّيهَا). Bagi qira'at majoriti *qurra'* (مُوَلِّيهَا), yang membawa maksud: "Setiap kaum dalam kalangan orang Islam mempunyai arah Kaabah yang mereka menghadap tatkala menunaikan solat sama ada dari arah utara, selatan, timur atau barat." Sebahagian ahli tafsir memahami ayat ini dengan maksud: "Setiap seorang dalam kalangan Rasul yang membawa syariat masing-masing mempunyai arah kiblat yang tersendiri." Maka maksud (مُوَلِّيهَا) ialah Allah memerintahkan untuk mereka menghadap ke arah kiblat tersebut. Syeikh Nawawi menjelaskan satu lagi wajah qira'at *mutawatirah* oleh Imam Ibn 'Amir (مُوَلِّاهَا) yang bermaksud, setiap kaum dihadapkan oleh Allah SWT ke arah kiblat tersebut. Wajah ini dinisbahkan kepada Ibn 'Abbas dan Abu Ja'far Muhammad ibn 'Ali al-Baqir. Selain itu, Syeikh Nawawi juga membawakan satu wajah qira'at

shadhdhab pada (وَلِكُلٍّ وَجْهَةٌ) yang berbentuk *idafah* (وَلِكُلٍّ وَجْهَةٌ) yang bermaksud: “Bersegeralah kamu wahai ummat Muhammad SAW dalam mengerjakan ketaatan dan menyahut segala perintah di mana sahaja kamu berada sama ada di daratan mahu pun lautan”. *Tanjib* Syeikh Nawawi merujuk kepada al-Jamal (1996), al-Raziyy (1999), al-Sharbiniyy (2010), al-Fayruz Abadiyy (2010) dan Abu al-Su‘ud (2011) dengan penerangan yang hampir sama cuma berbeza dari sudut panjang pendeknya.

Kesimpulannya, makna arah atau *wijbah* yang membawa maksud kiblat, sama ada kiblat yang khusus bagi umat Muhammad SAW atau secara umum bagi semua rasul dengan umat masing-masing yang hakikatnya berlaku dengan keizinan Allah SWT jua. Selain itu, *wijbah* tersebut juga difahami dengan maksud perintah melakukan kebaikan dari segenap arah yang digerakkan oleh Allah SWT (Bazamul, 1996).

KESIMPULAN

Syeikh Nawawi mempunyai metode dan pendekatan tersendiri dalam penghujahan qira’at iaitu penerangannya mengenai *Tanjib al-Qira’at*, tidak terlalu panjang tetapi memadai bagi memberikan kefahaman bagi wajah-wajah qira’at yang dibawakan walaupun dengan penerangan yang ringkas. Selain itu al-qira’at al-muwajjah dalam *Marah Labid* memberi implikasi pentafsiran yang signifikan yang membuktikan bahawa kepelbagaian qira’at merupakan satu kelebihan dan keistimewaan bagi sesebuah karya tafsir dalam meluaskan ufuk pentafsiran terhadap kalam Allah yang boleh dibaca dengan pelbagai wajah bacaan. Syeikh Nawawi telah membuktikan bahawa *Marah Labid* merupakan rujukan *diirayah* yang berwibawa dalam mengetahui hubungan dan fungsi wajah-wajah qira’at sebagai sumber pentafsiran yang tidak bersifat kontradik sebaliknya saling melengkapi ‘makna antara satu qira’at dengan qira’at yang lain tanpa mengira status qira’at tersebut. Syeikh Nawawi telah merujuk kepada semua tafsir yang menjadi rujukan utamanya dalam pentafsiran khasnya dalam *Tanjib al-Qira’at*. Semua karya tersebut telah menjadi sumber bagi Syeikh Nawawi dalam penghujahannya walaupun berbeza dari sudut kuantiti dan kekerapannya. Oleh itu, antara kajian lanjutan yang boleh dilakukan ialah *Tanjib al-Qira’at* dalam teks-teks tafsir ulama ulama nusantara dan kajian mengenai perbezaan pemikiran para ulama yang berpunca daripada perbezaan kefahaman yang terkesan daripada kepelbagaian qira’at.

PENGHARGAAN

Penghargaan utama ditujukan kepada geran penyelidikan industri yang dibiayai oleh Dar Al Qari Resources, kod PP-2024-022. Makalah ini adalah sebahagian daripada kajian di peringkat Doktor Falsafah, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor.

SUMBANGAN PENGARANG

Konseptualisasi, metodologi, pengumpulan data & analisis, Sabri Mohamad; sumber data, Ikmal Zaidi Hashim dan Sabri Mohamad; semakan dan penyuntingan, Ikmal Zaidi Hashim dan Mohd Farid Ravi Abdullah. Semua penulis telah membaca dan bersetuju menerima versi manuskrip yang diterbitkan.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisytiharkan bahawa tiada sebarang konflik kepentingan (kewangan, peribadi atau profesional) yang boleh mempengaruhi penulisan dan penerbitan artikel ini.

PERNYATAAN ETIKA

Kajian ini tidak melibatkan subjek manusia atau haiwan. Semua data yang digunakan diperolehi daripada sumber yang boleh diakses secara umum dan tidak mengandungi sebarang maklumat peribadi yang boleh dikenal pasti. Oleh itu, kelulusan etika tidak diperlukan.

PERNYATAAN TEKS YANG DIHASILKAN OLEH KECERDASAN BUATAN (AI)

Tiada alat Kecerdasan Buatan (AI) digunakan untuk menghasilkan kandungan asal, menjalankan analisis, atau menggantikan mana-mana bahagian sumbangan intelektual penyelidik.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Sumbangan asal yang dibentangkan dalam kajian ini telah disertakan dalam artikel/bahan tambahan. Sebarang pertanyaan lanjut boleh dikemukakan kepada penulis korespondan.

RUJUKAN

Al-Quran.

Abd al-Karim I.I.S. (2000) *Ishtirāqāt fī Tawjih wa Ma‘āni al-Qirā’āt*. Kuliyyah Al-Qur’ān Al-Karim li al-Qirā’āt wa ‘Ulūmihā, Universiti Al-Azhar.

Abu al-Su‘ud, M.I. (2011). *Tafsir Abu al-Su‘ud*. Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Atabik, L. (1999). Kajian metodologi tafsir *Marah Labid* karya Syekh Nawawi Banten. (Tesis Sarjana Tidak Diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia.

Bazamul, M.U. (1996). *Al-Qira’at wa Atharūha fī al-Tafsir wa al-Ahkām*. Dar al-Hijrah.

Al-Fayruz Abadiy, M.Y. (2010). *Basā’ir dhawī al-Tamyiz*. Dar al-Baz.

Al-Jamal, S.U. (1996). *Al-Futūḥat al-Ilāhiyyah*. Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Al-Harbi, H.A. (1996). *Qawā'id al-Tarjih 'ind al-Mufasssin*. Dar al-Qasim.

Hashim, I. Z. (2015). Konsep al-riwayah dan al-dirayah dalam pengajian ilmu qira’at. *Jurnal Pengajian Islam*, 8, 32–46.

Ibn Jinniyy, U. (1998). *Al-Muhtasab fī Tabyin Wujūh Shawadḥ al-Qira’at wa al-Idāb ‘anha*. Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Ibn Khalawayh, H.A. (1992). *I‘rab al-Qira’at al-Sab‘ wa ‘Ilālīha*. Maktabah al-Khanji.

Ibn Manzūr, M.M. (1991). *Lisan al-‘Arab*. Dar Sadir.

Ibn Zanjalah, A.R.M. (1997). *Hujjah al-Qira’at*. Mu’assasah al-Risalah.

Qabah, A.H. (1999). *Al-Qira’at al-Qur’aniyyah: Tarikḥūba, Thubutūba, Hujjiyyatūba wa Ahkamūba*. Dar al-Gharb al-Islami.

Al-Qays, M.A.T. (1997). *Al-Kashf ‘an Wujūh al-Qira’at al-Sab‘*. Mu’assasah al-Risalah.

Al-Qudah, M.A.M. (2001). *Muqaddimat fī ‘Ilm al-Qira’at*. Dar ‘Ammar.

Raziyy, M.F.R. (t.t.). *Al-Tafsir al-Kabir aw Mafatih al-Ghayb*. Al-Maktabah al-Tawfiqiyyah.

Salihin Hasan, M.S. (2023). Minat dan kefahaman ilmu taujih al-qira’at dalam kalangan pelajar Sarjana Muda Tahfiz al-Quran KUIS. Dalam *Pendidikan pemangkin peradaban Islam* (hlm. 50–56). Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Selangor.

Al-Shaddiy, A.A. (2004). Dawabit wa athar isti‘ānah al-mufasssin bi al-qira’at. *Majallat Jami‘at al-Malik Sa‘ud*, 1, 529–591.

Al-Sharbiniyy, M.K. (2010). *Tafsir al-Khatib al-Sharbini*. Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Sindiyy, A.Q. (2001). *Safahat fī ‘Ulum al-Qira’at*. Dar al-Basha’ir al-Islamiyyah.

Sulayman Rabi’, M.S. (1999). *Al-Futūḥat al-ilāhiyyah fī tawjih al-qira’at al-qur’aniyyah*. (Tesis Sarjana Tidak Diterbitkan). Universiti al-Azhar.